

# Jumlah mangsa tinggal 38,332 orang

**KUALA LUMPUR** - Keadaan banjir di Pahang, Perak dan Kelantan semakin pulih apabila jumlah mangsa menurun kepada 38,312 orang semalam berbanding 46,670 orang kelmarin.

Bagaimanapun di **Johor**, jumlah mangsa yang berada di pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Batu Badak, Segamat masih kekal seramai 20 orang.

Di **Pahang**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 27,073 orang yang ditempatkan di 122 pusat pemindahan di enam daerah yang terlibat.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, keadaan banjir di daerah Lipis kembali pulih selepas pusat terakhir yang menempatkan 31 orang di Balai Raya Lentang ditutup semalam.

Di **Perak**, jumlah mangsa menurun kepada 5,637 orang berbanding 6,067 orang kelmarin.

Keadaan sama dilaporkan di **Kelantan** apabila jumlah mangsa berkurangan kepada 5,602 orang di 41 pusat pemindahan iaitu di Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Machang.